

# KERATAN AKHBAR

## NAMA AKHBAR: KOSMO (NEGARA)

TARIKH: 08 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 08

### Tommy belum memutuskan beri keterangan isu komital

SHAH ALAM - Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas (gambar) belum memutuskan untuk memberi keterangan dalam perbicaraan komital (menghina mahkamah) yang difailkan terhadapnya oleh keluarga Muhammad Adib Mohd. Kassim berhubung prosiding inkues bagi mencari punca kematian anggota bomba itu.

Perkara itu dimaklumkan peguam Mohd. Hanif Katri Abdulla selaku pemohon yang mewakili keluarga Muhammad Adib pada prosiding sebutan kes komital di hadapan Koroner Rafiah Mohamad di Mahkamah Koroner di sini semalam.

Menurut Mohd. Hanif, setakat ini Tommy belum me-

mutuskan sama ada memberi kenyataan dalam kandang saksi atau semata-mata bergantung kepada affidavit atau menggunakan kedua-dua kaedah itu.

"Kita tidak boleh menjangkakan bila (dia akan membuat keputusannya) kerana tidak ada garis masa untuknya memberitahu mahkamah," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, Peguam Kanan Persekutuan, S. Narkunavathy memberitahu mahkamah, ketika ini pihaknya hanya menerima arahan akan menggunakan dua affidavit yang difailkan Peguam

Negara dan bekas pengendali inkues, Hamdan Hamzah sebelum ini.



Mahkamah kemudian menetapkan 21 Oktober ini untuk mendengar permohonan penggantungan perbicaraan komital itu.

Pada 27 Ogos lalu, Mahkamah Koroner membenarkan permohonan komital keluar ga Muhammad Adib terhadap Tommy.

Koroner Rafiah memutuskan demikian selepas mendapati wujud prima facie atas imbangan kebarangkalian dalam kes inkues itu serta berpuas hati dengan hujahan kedua-

dua belah pihak yang dikemukakan sebelum ini.

Mahkamah sama pada 27 September lalu memutuskan kematian Muhammad Adib adalah disebabkan perbuatan jenayah daripada lebih dua orang yang tidak dikenali.

Rofiah dalam keputusannya berkata, mahkamah menerima teori dikemukakan saksi ke-29, Pakar Patologi Forensik United Kingdom, Prof. Dr. Shahrom Abd. Wahid bahawa kecederaan dialami Muhammad Adib adalah disebabkan perusuh menendang pintu van Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) yang mengena dada Allahyarham sehingga menyebabkan Muhammad Adib tersepit.